

09 JAN 1998

Umno-Ekonomi

MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI Pengerusi MTEN NEGERI

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Menteri Besar dan Ketua Menteri termasuk Kelantan hari ini dilantik sebagai pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) peringkat negeri masing-masing, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata MTEN peringkat negeri berfungsi sebagai penyalaras dan mengambil tindakan segera apa yang berlaku di peringkat akar umbi berikutan kegawatan ekonomi negara sekarang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang pertama tahun ini di sini hari ini.

MTEN peringkat negeri juga bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang keadaan sebenar yang berlaku pada ekonomi negara serta meminta rakyat menerima hakikat sebenar.

"Kita terpaksa menerima hakikat bahawa kita tidak boleh lagi hidup mewah seperti dahulu," kata Perdana Menteri.

"Kita kini hendaklah mengguna dan membeli barangan tempatan kerana ini dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara, kata beliau.

Dr Mahathir berkata mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) kali ini tertumpu dan dibincang dengan panjang lebar mengenai keadaan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang.

Mesyuarat membincangkan strategi yang perlu diambil bagi mengatasinya.

Semasa ditanya bagaimana sokongan rakyat tentang saranan kerajaan supaya rakyat berbelanja secara berhemat, Perdana Menteri berkata ia sangat menggalakkan.

"Saya ditemui oleh beberapa orang di supermarket (pasar raya) dan mereka menyatakan sokongan mereka terhadap tindakan yang diambil oleh kerajaan. Mereka ini semua ikhlas dan saya tidak kenal pun mereka," katanya.

Para anggota MT dan isteri masing-masing dan anggota exco Pergerakan Pemuda Umno dan Wanita kemudian berbuka puasa di Ibu Pejabat parti selepas mesyuarat yang berlangsung kira-kira tiga jam itu. -- BERNAMA

TEAM FAZ